

‘JIWA TENTERA’ DALAM KALANGAN ANGGOTA TENTERA DARAT MALAYSIA: SATU ANALISIS AWAL

**Burhanuddin Jalal, Mohd Kenali Basiron, Amnah Saayah Ismail,
Sayuti Ab Ghani, Rashid Nordin**

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

burhanuddin@upnm.edu.my

ABSTRAK

Dalam usaha mengukuhkan organisasi ketenteraan, aspek pembangunan individu atau aspek peribadi dan sahsiah diri anggota amat penting selain dari kekuatan dari aspek kuasa tembakan atau persenjataan dan juga kuasa mobiliti. Kajian ini dilaksanakan untuk menilai atau mengukur tahap ‘jiwa tentera’ anggota Tentera Darat Malaysia dengan menggunakan alat pengukuran jiwa tentera yang telah dibangunkan. Kajian perpustakaan, kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian telah digunakan bagi memperoleh data. Instrumen soal selidik terhadap 3,000 responden dalam kalangan anggota Tentera Darat Malaysia telah dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan usaha pembinaan jiwa tentera oleh organisasi melalui pendidikan dan latihan yang telah dilaksanakan telah berjaya kerana dapatan menunjukkan tahap jiwa tentera berada pada tahap tinggi dan memuaskan.

Kata kunci: Jiwa tentera, sahsiah, nilai, kualiti, tingkah laku

PENDAHULUAN

Apakah yang dimaksudkan dengan ‘jiwa tentera’ atau ‘military mind’? Apakah ‘*military mind*’ merupakan jiwa tentera yang berorientasikan akal budi yang sempit dan autokratik? Atau ia merupakan suatu struktur sistem kognitif, emosi dan psikomotor perlakuan profesional yang meningkatkan prestasi ketenteraan? Kertas ini cuba membincang dan menjelaskan kefahaman makna jiwa tentera dan khususnya meneroka hubungannya dengan elemen ketiga kuasa tempur iaitu daya juang ketenteraan atau ‘military morale’.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan ialah menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif. Instrumen kajian bagi mendapatkan data adalah melalui kajian perpustakaan, kajian lapangan, pemerhatian dan juga soal selidik. Populasi untuk kajian ini adalah seramai 69,725. Responden kajian adalah seramai 3,000 orang. Pemilihan pensampelan dilakukan secara rawak dengan dibahagikan kepada lima zon geografi kedudukan kem Tentera Darat iaitu zon tengah, zon utara, zon selatan, zon timur dan zon Sabah dan Sarawak. Dalam aspek analisis, data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan perisian SPSS (*Statistical Package for the Science Social*), dan kaedah penganalisan data dibahagikan kepada dua iaitu analisis secara deskriptif dan analisis inferensi. Dalam mengikut tahap jiwa tentera, alat atau konstruks telah dibentuk berasaskan sorotan kesusasteraan mengenai tingkah laku tentera oleh Aronzon

(1988) dan Manning & Ingraham (1987). Aronson (1988), menjelaskan jiwa tentera terbentuk melalui tiga proses sosialisasi, identifikasi dan pembiasaan dengan menggunakan skala skor 1 hingga lima.

PERBINCANGAN

Definisi 'Jiwa Tentera' atau 'Military Mind'


Menurut Hare dan Lamb (1983), istilah jiwa tentera sangat luas maknanya dan ia merangkumi fenomena mental, sistem metabolisme penyuburan serta pertumbuhan biologi seseorang. Rangkuman aspek yang luas inilah yang akan membentuk jiwa seseorang dan kecenderungan seseorang melalui cara berfikir, emosi persepsi dan pembawaan diri.

Bagi Chaplain (1989), telah mendefinisikan jiwa tentera sebagai struktur psikologi yang tersusun dalam diri seseorang untuk berinteraksi dengan alam sekelilingnya. Secara tidak langsung struktur psikologi ini juga menjadi asas cara berfikir individu tersebut dengan alam sekeliling.

Selanjutnya, Abrahamson (1972) mengusulkan nilai profesion ketenteraman berdasarkan pengalaman latihan, tugas, tanggungjawab dan misi ketenteraan akan membentuk 'military mind'. Perkara ini telah diperkukuhkan lagi oleh Mohd Kenali Basiron (2007) yang menyatakan bahawa antara nilai-nilai yang boleh membentuk jiwa tentera atau '*military mind*' dalam konteks ketenteraan Malaysia ialah, semangat patriotisme (nasionalisme), keyakinan diri, kewaspadaan, konservatif politik dan nilai autokratik dalam diri. Kesemua ini akan membentuk akal budi tentera yang juga akan menjadikan keseluruhan hidup ketenteraan dalam sistem kognitif dan perlakuan yang terbina dari organisasi dan pengalaman ketenteraan yang memperkembang dan membentuk akal budi tentera.

Selaras dengan ciri-ciri tersebut, Angkatan Tentera Darat Malaysia telah menggariskan beberapa nilai penting bagi membentuk 'jiwa tentera' dalam kalangan anggotanya dalam usaha mengukuhkan organisasi ketenteraan. Antara nilai-nilai tersebut ialah kesetiaan, integriti, kesatuan, pengorbanan dan keunggulan.

Untuk mencapai hasrat tersebut, Zulkifli Zainal Abidin (2013), menekankan kepentingan kesiapsiagaan tempur dan kualiti hidup melalui falsafah kembali kepada asas ketenteraan serta seimbangan yang padu di antara manusia, mesin, peralatan dan kaedah (*man, machine and method*). Ini dapat digambarkan seperti rajah berikut:



Rajah 1: Tonggak Kekuatan Tentera Darat Malaysia
Sumber: Zulkifli Zainal Abidin (2013).

Pembangunan Jiwa Tentera

Dalam usaha ke arah pembangunan jiwa tentera, Kanter (1972) dan Buchanan (1974) menjelaskan pembentukan jiwa tentera terhasil dari pembudayaan sistem kerja. Individu yang mempunyai jiwa berorganisasi mempunyai perasaan keterikatan psikologi terhadap organisasinya. Bagi Schein (1980), mengatakan apabila sesuatu budaya kerja telah menjadi sebatian dalam jiwa individu, maka budaya kerja pula yang mempengaruhi seluruh warga organisasi termasuk gaya kepimpinan dalam organisasi. Dengan pendekatan ini, jiwa tentera dapat dibentuk dan dibangunkan melalui penerimaan dan penghayatan nilai dan amalan tentera sebagai tatacara bagi mengatur perlakuan setiap anggota tentera.

Meyer dan Rowan (1977) mendefinisikan penjiwaan sesuatu budaya sebagai proses penginstitutionan (institutionalisation). Penginstitutionan merupakan proses sosialisasi dan obligasi. Proses ini berperanan sebagai status peraturan di dalam pemikiran dan perlakuan seseorang individu. Seterusnya, apabila budaya ini telah dijiwai, ciri-ciri budaya dan tingkah laku ketenteraan atau keperwiraan terpancer dalam tingkah laku individu.

Proses membudayakan jiwa tentera bukan sahaja memerlukan ideologi dan falsafah yang berkesan semata-mata, tetapi bagaimana pelaksanaan penerapan jiwa tentera dilakukan melalui budaya kerja, khususnya dalam konteks ketenteraan. Aronzon (1988) berpendapat pembudayaan kerja ke arah jiwa tentera boleh dilakukan melalui tiga tahap iaitu:

1. Tahap pematuhan (compliance).
2. Identifikasi (Identification).
3. Pembatinaan (Internalization).

Pada asasnya tahap pematuhan merupakan tahap pembinaan jiwa tentera ke arah kejeleketan secara mendatar (sesama rakan), Kejeleketan secara menegak (ketua atasan). Tahap akhir ialah perkembangan jiwa tentera ke arah setia kawan (*esprit de corps*) iaitu suatu tahap jiwa yang telah matang bagi melaksanakan misi ketenteraan. Antara tingkah laku positif tentera setelah proses pembatinaan budaya tentera ialah integrasi dan kemahiran berpasukan (*team proficiency, consolidation and organization values*), membatinkan nilai ketenteraan (*internalization of unit or organization values*), mempamerkan kemahiran taktik dan pergerakan tempur (*demonstrate proficiency in tactic and maneuver*), mendensentralisasikan kuasa dan autoriti (*decentralize power and authority*), menggunakan kesilapan dan kegagalan sebagai pengajaran (*use of error and failures as learning tolls*) dan anggota sentiasa mencari cabaran latihan ketenteraan yang baru (*soldiers seek out new training challenges*) (Mohd Kenali, 2007).

Hubungan Jiwa Tentera Dengan Daya Juang Ketenteraan

Kepentingan faktor jiwa tentera ini sangat signifikan dalam mempersiapkan dan menggerakkan sumber manusia sebagai angkatan yang disegani kawan dan lawan. Sejarah telah berulang kali memberikan pengajaran dan peringatan bahawa pasukan yang sempurna persiapan tempurnya dari segi persenjataan dan latihan seringkali tewas dan mengalami kesengsaraan perang jika tidak berjiwa tentera (Baynes, 1967). Sebaliknya pasukan yang serba kekurangan dari segi peralatan tempur dan logistik, tetapi mempunyai kejeleketan jiwa tentera sebagai satu pasukan mampu menewaskan pasukan yang lebih besar kekuatannya. Anggota yang berjiwa tentera mempunyai daya tekad dan keterlibatan diri terhadap pasukannya di mana ia akan mencurahkan tenaga dan kesetiiaannya (Mohd. Kenali, 2007). Semakin tinggi jiwa tentera seseorang anggota tentera itu maka semakin tinggilah daya juangnya. Justeru jika piawai perlakuan yang digariskan oleh Angkatan Tentera darat Malaysia dalam melatih dan membentuk anggota yang berdaya juang telah diterima sebagai nilai diri anggota, maka daya juang anggota Tentera Darat Malaysia pasti akan meningkat.

Apabila pembudayaan jiwa tentera telah berlaku melalui sistem kerja dan sistem latihan, maka tingkah laku dan daya juang akan terpamer secara spontan oleh warga pasukan. Antara indikasi perlakuan yang daya juang yang boleh terpamer dari pembudayaan jiwa tentera ialah

- 1) Penampilan kepahlawanan (*warrior appearance*).
- 2) Tingkah laku diri yang jelas (*Clear personal conduct*),
- 3) Kesopanan ketenteraan (*Standard of military courtesy*),
- 4) Tanggungjawab kepada peralatan (*responsibility for equipment*),
- 5) Kemahiran ketenteraan (*Military skill*)
- 6) Motivasi dalam latihan (*Training motivation*).
- 7) Kurang kes mencederakan diri atau menipu sakit (*malingering*)
- 8) Kurangnya kes pergaduhan dalam pasukan (Mohd. Kenali, 2007).

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini dalam pembinaan jiwa tentera, Aronzon (1988) menyatakan pembinaan jiwa tentera boleh dilakukan melalui tiga tahap iaitu, tahap pematuhan (*compliance*), identifikasi (*Identification*) dan proses Pembatinaan (*Internalization*). Dengan menggunakan konsep ini pembudayaan budaya kerja ke arah jiwa


tentera yang berdaya juang dapat dilaksanakan. Dalam konteks Angkatan Tentera Darat Malaysia, proses sosialisasi tahap pertama bermula ketika perajurit muda memulakan latihan untuk menjadi anggota tentera (Latihan Asas Perajurit selama enam bulan) atau menjadi kadet di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia selama 3-4 tahun atau latihan bagi pegawai graduan selama sembilan bulan. Pada tahap awal ini ia berunsurkan tingkah laku paksaan dan pembinaan jiwa tentera ke arah kejelitan mendatar dan seterusnya berkembang. Tahap tersebut dapat dijelaskan berdasarkan jadual berikut:

Jadual 1 : Model Konsep Teoretikal Pengurusan Jiwa Tentera Ke Arah Pembangunan Daya Juang.

Tahap Perkembangan Jiwa Tentera	Kretarium Jiwa Tentera ke arah daya juang ketenteraan				
	Kejelekitan	Keyakinan	Kemampuan bertempur	Tingkah laku sosialisasi	
Tahap 1	Mendatar sesama rakan	Yakin terhadap diri sendiri, senjata persendirian dan rakan setaraf (buddy)	Asas ketenteraan (senjata, kawad)	Pematuhan/pemaksaan	
Tahap 2	Menegak antara pihak anggota dengan pegawai atasan secara menegak	Pemimpin atasan terdekat	Kumpulan buddy, skuad atau seksyen	Identifikasi	
Tahap 3	<i>Espirit de' cors</i> (semangat setiawan dalam konteks yang lebih luas)	Nilai ketenteraan diterima sebagai asas kehidupan	Peringkat pasukan, platun atau batalion	Pembatinan	

Berdasarkan tinjauan awal tahap jiwa tentera terhadap 3,000 anggota Tentera Darat Malaysia, berdasarkan konstruk yang telah dibina dapatan skor adalah berada pada tahap tinggi dan memuaskan. Ini dapat digambarkan dalam jadual seperti berikut:

Konstruk	Skor
Saya lebih mengutamakan kerja daripada keluarga	2.7
Saya rela bekerja lebih masa tanpa mengharapkan ganjaran	3.0
Saya berasa bangga untuk memberitahu orang ramai bahawa saya seorang anggota tentera	3.3
Walaupun pasukan tidak memberi jaminan masa depan, saya masa rasa keberatan untuk bertukar pekerjaan	3.2
Disiplin ketenteraan amat serasi dengan kehidupan	3.4



Rajah 3: Tahap Skor Jiwa Tentera

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya jiwa tentera mempunyai kepentingan sebagai peramal faktor dan wujudulu (*antecedent*) yang mempengaruhi daya juang. Oleh yang demikian semua peringkat kepimpinan perlu sentiasa membayangkan model teoretikal bagi membentuk budaya kerja yang membangunkan jiwa tentera. Budaya tentera yang sehati sebagai akal budi ketenteraan akan menjadi elemen spiritual yang sekali gus mengawal psikomotor perlakuan anggota Angkatan Tentera Darat Malaysia bagi membina daya juang dan tinggi dan kental sekali gus mampu mempertahankan kedaulatan negara.

RUJUKAN

- Abrahamsson, B. (1972). Military profesional and political power. Beverly Hill: Sage Publication.
- Aronzon, A. (1988). The social animal. New York: W.H Freeman Publication.
- Baynes, J.C.M. (1967). Morale –A study of men and courage. India: Natraj Publication.
- Buchanan, B. (1974). Building organization commitment: The socialization of manager in work organization. *The Administrative Science Quarterly*, 13 (2), 14-19.
- Chaplain, J.P. (1989). Kamus lengkap psikologi (Terj). Kartino Kartono. Jakarta: Rajawali Press.
- Harre,R & Lamb,R. (1983). The encyclopedia dictionary of psychology. London: Blackwell Publication.
- Kanter, R.M. (1972). Commitment and community. Cambridge: Harvard University Press.
- Mohd. Kenali, B. (2007). Daya juang ketenteraan: Hubungan dengan tekad terhadap organisasi. (Bahan tidak diterbitkan). Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Manning, F.J & Ingraham, L.H. (1987). An investigation into the value of cohesion in peacetime dalam *Contemporary studies in combat psychiatry*. Westport: Greenwood Press.
- Mayer, J.W.& Rowan, B. (1977). Intuitional organization: Formal structure as myth and ceremony. *American Journal of Sociology*. 33(6), 118-125.
- Schein, E.H. (1980). *Organization psychology*. London: Prentice Hall.
- Zulkifli, Z.A. (2013). *Hasrat*. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat Malaysia.